

Belanjawan 2025 perlu capai sasaran Ekonomi MADANI

Putrajaya: Belanjawan 2025 harus kekal dan tertumpu kepada penanda aras yang ingin dicapai dalam kerangka Ekonomi MADANI, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, usaha merangka belanjawan negara itu harus bermula dengan asas untuk meningkat dan melaksanakan pembaharuan berterusan ke arah mencapai hasrat berke-naan.

"Ini yang kita tekankan mengenai menaikkan siling (ekonomi) supaya penstrukturan ekonomi itu dalam memacu pertumbuhan. Maka daya cipta, daya saing, pendigitalan, AI (kecerdasan buatan) yang diterokai dan 'reform' dalam penjawat awam.

"Tidak boleh kita harap dengan cara dan kaedah lama untuk kita capai pendekatan baharu atau dasar baharu.

"Selain itu, kita perlu menaikkan lantai (keadilan sosial rakyat). Ini juga cabaran utama kita kerana kalau tidak, nanti kita pacu pertumbuhan, masyarakat di bawah ketinggalan.

"Kalau saudara lihat kesan daripada keresahan rakyat terutama di desa, miskin bandar dan di pedalaman, mereka tak dapat umpamanya berasakan nikmat perubahan yang kita saksikan," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian ketika berucap pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2025 di Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Anwar berkata, bagi mencapai penanda aras yang ingin dicapai dalam Ekonomi MADANI, usaha

meningkatkan siling perlu diran-cakkan dengan menstruktur semula ekonomi yang menjadi yang utama di Asia.

Katanya, tumpuan juga perlu diberikan kepada kegiatan bernilai tambah seperti industri elektrik dan elektronik, daya saing termasuk industri sedia ada seperti sawit serta lonjakan kepada digital dan automasi.

"Seperti yang kita tahu, hala tuju ekonomi negara itu jelas. Tahun lalu, kita perkenalkan kerangka Ekonomi MADANI diikuti pelan induk perindustrian baharu. Kemudian pelan peralihan tenaga dan kajian separuh peng-raj RMK12.

"Kemudian kita kemukakan beberapa pembaharuan dasar, termasuk yang sebahagiannya sudah membuahkan hasil sejak awal 2024.

"Tentunya memberi sedikit keresahan kerana setiap pembaharuan mengundang permasalahan dan ini boleh dileraikan sedikit, sekiranya kita dapat menyampaikan maklumat dan komunikasi dengan lebih berkesan," katanya.

Pencapaian negara diiktiraf

Beliau berkata, keperluan untuk memacu pertumbuhan negara juga wajar diberi penekanan kerana hanya melalui pertumbuhan pesat dan meyakinkan, kemajuan rakyat dapat dipertingkatkan.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, pencapaian negara tahun ini diiktiraf pada peringkat antarabangsa antaranya oleh S&P Global Ratings (S&P) dan Fitch Ratings (Fitch) yang me-

ngekalkan penarafan kredit berdaulat Malaysia masing-masing pada A- dan BBB+ dengan tinjauan 'stabil'.

Katanya, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku pertama 2024 merekodkan sebanyak 4.2 peratus, berbanding suku keempat 2023 iaitu sebanyak tiga peratus.

"Pemulihan eksport barangan dengan pertumbuhan 5.2 peratus pada suku pertama 2024, berbanding penguncupan 8.1 peratus untuk 2023 dan kita mencapai paras indeks Bursa FBM KLCI melepasi 1,600 mata dan nilai pasaran ekuiti domestik mencecah angka tertinggi dalam sejarah sebanyak RM2 trilion.

"Pencapaian tertinggi dengan pelaburan langsung yang diluluskan 2023 adalah RM329.5 bilion atau 23 peratus lebih tinggi ketimbang tahun 2022," katanya.

Mengenai kos sara hidup, Anwar berkata, isu terbabit khususnya kebimbangan dalam kalangan rakyat tidak boleh ditekankan.

"Secara relatif, di Malaysia, bahan asas lebih murah. Minyak, gula, tepung sama ada minyak petrol, diesel atau minyak masak itu ketimbang lebih jauh lebih murah di Malaysia tapi itu tidak boleh menolak kenyataan bahawa kos sara hidup masih menekan sebahagian besar rakyat.

"Kita juga harus fikir kaedah baharu, melenyapkan kartel atau monopoli, atau mengelak ketirisan supaya pulangan itu akan balik kepada rakyat menyalurkan seperti STR (Sumbangan Tunai Rahmah) atau bantuan khusus lain," katanya.



Anwar hadir pada Majlis Libat Urus Belanjawan 2025 di Dewan Utama, Kementerian Kewangan, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)